

| | | | |
|-------------|---|--------------|---------------------------|
| Headline | Universiti Apex diiumum Jumaat ini | Language | MALAY |
| Date | 27. Aug 2008 | Page No | 6 |
| Media Title | Utusan Malaysia | Article Size | 387 cm² |
| Section | Dlm Negeri | Frequency | Daily |
| Circulation | 238082 | Color | Full Color |
| Readership | 833287 | AdValue | 5454.39 |



Universiti Apex diiumum Jumaat ini



MOHAMED Khaled Nordin (enam dari kanan) pada majlis Amanat Bulan Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi di Dewan Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, semalam.

— Gambar HARUN OSMAN

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka mengumumkan nama institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang layak menyertai program Universiti Apex pada sesi pembentangan Bajet 2009, Jumaat ini.

Menyatakan di sini hari ini, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, program tersebut merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada IPT tempatan untuk menjadi penanda aras di peringkat dunia dalam bidang pengajian tinggi.

“Daripada sembilan universiti yang memohon, hanya satu sahaja yang layak untuk menyertainya dan keputusasannya dijangka diumumkan Perdana Menteri, Jumaat ini,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis Amanat Kemerdekaan Kementerian Pengajian Tinggi di sini hari ini.

Pada majlis itu, Mohamed Khaled turut menyampaikan Anugerah Biasiswa Tunku Abdul Rahman kepada 50 pelajar universiti tempatan yang terpilih dari seluruh negara.

Turut hadir Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr. Hon Kok Chung; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr. Zulkifli A. Hassan dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Datuk Profesor Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi.

Khaled berkata, cadangan penubuhan program Universiti Apex terkandung dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

(PSPTN) Melangkui Tahun 2020 yang dilancarkan Perdana Menteri di Putrajaya pada 27 Ogos tahun lalu.

Beliau berkata, Universiti Apex juga dianjurkan autonomi dari segi kewangan, skim perkhidmatan, pengurusan, pengambilan pelajar, kepimpinan tertinggi dan penetapan yuran pengajian.

“Program itu juga transformasi untuk menjadikan universiti tersebut sebuah universiti elit di negara ini.

“Ia juga sebahagian daripada langkah kerajaan untuk menghadapi cabaran globalisasi dalam usaha untuk mencapai objektif PSPTN,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyasarkan universiti tempatan harus berada dalam lingkungan 200 terbaik dunia menjelang 2010 dan 50 terbaik dunia menjelang 2020 berdasarkan perancangan yang telah dirangka PSPTN.

Beliau memberitahu, berdasarkan penarafan Times Higher Education Supplement (THES) pada waktu ini, lima universiti tempatan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya berada dalam senarai 500 universiti terbaik dunia.

“Melalui PSPTN, kita juga mahu melahirkan Pemenang Nobel di samping ingin menghasilkan 100,000 pemegang Ijazah

Kedoktoran (Ph.D) pelbagai bidang dalam tempoh lima belas tahun.

“Kementerian juga akan mewujudkan lebih banyak Pusat Kecemerlangan bertaraf dunia, mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengkomersialan produk universiti,” katanya.

Beliau menambah, kementeriannya akan memperkemaskan sistem pengajaran dan pembelajaran, memperbaiki sistem urus tadbir, kepimpinan, akademik serta memberi penumpuan terhadap pembangunan pelajar secara holistik.

“Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kualiti para graduan universiti tempatan serta menjadikan universiti kita tumpuan kepada lebih ramai pelajar antarabangsa,” ujarnya.